

# **REPRESENTASI ARGUMEN GERAK RUANG BAHASA MELAYU BERDASARKAN TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL**

**(*Representation of the Spatial Motion in the Malay language  
Based on the Conceptual Structure Theory*)**

*Nurul Jamilah Rosly\**

nuruljamilah85@yahoo.com

Kuliyyah Bahasa dan Pengurusan,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh, Johor.

*Maslida Yusof*

maslida@ukm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 4 Disember 2020

Sila rujuk: Nurul Jamilah Rosly dan Maslida Yusof. (2020). Representasi Argumen Gerak Ruang Bahasa Melayu Berdasarkan Teori Struktur Konseptual. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 347–381.

## **Abstrak**

Gerak difahami sebagai perubahan dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Oleh itu kajian ini tertumpu pada gerak ruang yang terdiri daripada gerak bersifat arah, gerak bersifat tambah, gerak bersifat menjadi dan gerak bersifat kausatif. Data yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada Pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia sebagai bahan dan contoh kajian. Penganalisisan data menggunakan Teori Struktur Konseptual oleh Jackendoff (1997 & 2011). Pemetaan argumen ini merangkumi tiga tatatingkat utama, iaitu pemetaan kepada representasi struktur konseptual, pemetaan kepada rajah pohon struktur konseptual dan pemetaan kepada peranan tematik. Hasil dapatan menunjukkan, kehadiran gerak ruang hadir dalam fungsi [Peristiwa] dan [Keadaan] yang membawa rumus

asas [[[GERAK [ x [Peristiwa] [Benda] [Hala] [Tempat]]]]. Hasil dapatkan menunjukkan leksikal balik, berlari, tinggal, terletak, berada, bunuh, paksa, benar dan tololng mempunyai pemetaan representasi argumen yang tersendiri yang melibatkan konstituen seperti [Peristiwa], [Keadaan], [Benda] [Hala] [Tempat] [Peristiwa SEBAB], [Peristiwa TIDAK], [Peristiwa BENAR] dan [Peristiwa TOLONG]. Bagi peringkat pemetaan dalam peranan tematik, item yang terlibat ialah peranan kepada Aktor, Tema, Matlamat, Sumber, Agen dan Penerima (-). Sehubungan dengan itu, kajian ini menunjukkan representasi struktur konseptual secara sistematis dan berpada khususnya dalam gerak ruang bahasa Melayu.

Kata kunci: gerak ruang, konstituen, argumen, struktur konseptual dan tematik

### *Abstract*

*Motion is understood as a change from one location to another. Therefore, this study focuses on spatial motion consisting of directional, extensional, state and causative motion. This study utilizes data from the Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka database in Malaysia for its study samples. The analysis employs Jackendoff's (1997 & 2011) Theory of Conceptual Structure for its framework. The mapping of these arguments comprises three main stages, namely mapping to conceptual structure representation, mapping to conceptual tree diagrams and mapping to thematic roles. The results show that spatial motion is present in the [Event] and [States] functions that carry the basic formula [[[MOTION /x [Event] [Object] [Path] [Place]]]. The findings show that the lexical items balik, berlari, tinggal, terletak, berada, bunuh, paksa, benar and tololng have their own representation of arguments involving constituents such as [Event], [States], [Object] [Path] [Place] [Event] REASON], [NO Causative], [TRUE Causative] and [HELP Causative]. For the mapping stage in the thematic role, the item involved is the role of Actor, Theme, Goal, Source, Agent and Beneficiary (-). Accordingly, this study shows an adequate systematic representation of the conceptual structure, particularly in the spatial motion domain in the Malay language.*

*Keywords:* *spatial motion, constituents, argument, conceptual structure and thematic*

## PENDAHULUAN

Konsep gerak merupakan pengalaman asas kehidupan manusia dan merupakan domain asas dalam kognisi manusia. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2014), mendefinisikan gerak sebagai perbuatan untuk melakukan sesuatu kerja secara berulang dalam bentuk beberapa kali. Wollner (2012) menjelaskan gerak ialah perubahan lokasi sesuatu objek kepada objek yang lain secara berturut-turut daripada satu titik kepada ruang yang merentasi tempoh masa. Menurut Johnstone (1999), pengalaman gerak dirasai sejak lahir apabila seseorang individu mempunyai kebolehan seperti bercakap, berjalan, melihat, berenang dan sebagainya. Hasil pengalaman ini, seseorang dapat mengenal pasti bagaimana pergerakan ini dapat dikaitkan dengan ruang, perspektif dan jarak serta bagaimana ia boleh berinteraksi dengan objek di sekelilingnya. Sebagai contoh, pengesanan ini dirasai apabila seseorang dapat mengenal pasti sesuatu objek berbeza dengan objek yang lain berdasarkan bentuk dan kepanjangan jika dilihat secara lebih dekat.

Ray Jackendoff (2002), dalam aliran struktur konseptual menjelaskan gerak bukan sahaja boleh berlaku pada bentuk fizikal, malah boleh berlaku dalam sudut yang abstrak dengan melihat dari mana pergerakan itu bermula, laluan pergerakan tersebut dan tempat berakhirnya sesuatu pergerakan. Menurut Jackendoff (1997), institusi gerak boleh merangkumi lakukan yang meliputi dalam, luar dan zon kawasan yang berhubungan serta cara dan keadaan sesuatu gerak itu berlaku. Pemahaman ini dianalogikan berdasarkan rumus asas GERAK ( $x, y, z$ ) bagi menghuraikan titik dalam gerak yang merujuk kepada :

GERAK KEPADA ( $x, y$ ) : Rujukan  $x$  adalah “kepada”  $y$ , mempunyai selang masa  $t - DI(x,y)$  dan :  $DI(x, y)$  masa  $t$ .

Jackendoff (1983), mendapati rumus di atas, masih belum lengkap terutamanya dalam kandungan struktur konseptual yang turut menekankan peranan frasa preposisi bagi mengekspresikan *Hala* dalam gerak. Beliau mendapati peranan *Hala* (frasa preposisi) ini penting terutama dalam perbincangan gerak ruang dan bukan ruang.

Berdasarkan organisasi semantik yang dianjurkan oleh Jackendoff (2002 & 2011), beliau menekankan makna gerak itu bukan sahaja merentas gerak fizikal semata-mata, malah meliputi gerak bukan fizikal (abstrak) yang dikonseptualkan dengan adanya entiti gerak sebagai tema

dan rujukan objek<sup>1</sup>. Gambaran gerak ini dapat dijelaskan berdasarkan formalisasi fungsi argumen yang mengandungi kategori abstrak seperti Peristiwa, Keadaan, Benda, Tempat dan Hala<sup>2</sup>. Menurut Jackendoff (2002), penekanan kepada struktur argumen memberi gambaran sebenar konsep gerak berdasarkan peranan fungsi Peristiwa dan fungsi Keadaan serta melibatkan semantik yang lain


Secara keseluruhan kajian ini mengkaji makna gerak berdasarkan fahaman abstrak. Sebelum ini banyak perbincangan memfokuskan kepada makna gerak bersifat fizikal sahaja seperti dalam kata kerja bersifat gerak seperti *berlari*, *berjalan*, *merangkak*, *berenang*, *mendaki* dan sebagainya. Namun begitu, kajian ini memfokuskan makna gerak bukan sahaja gerak pada gerak fizikal semata-mata malah meliputi pada gerak bukan fizikal (abstrak) atau gerak ruang seperti (pada gerak bersifat arah gerak bersifat tambah, gerak bersifat menjadi dan gerak bersifat kausatif (sebab)). Hal ini bermakna, walau pun makna gerak itu boleh membawa pengelasan yang sama, namun dari segi pendekatan, struktur dan dekomposisi semantik dapat memberikan perbezaan kepada makna gerak tersebut.

## TEORI STRUKTUR KONSEPTUAL

Matlamat utama pada awal pembinaan teori struktur konseptual (TSK) ini adalah berdasarkan kepada pembinaan formula tatabahasa dalam semantik yang berasaskan kepada apa-apa yang dikodkan dalam minda manusia. Oleh itu, pelbagai teori, aliran dan pandangan telah dibincangkan oleh para sarjana seperti Noam Chomsky (1956), Fillmore (1968), Talmy (1975), Foley dan Van Vallin (1984), Ray Jacekndoff (1983), dan Dowty (1990). Perbincangan dan pedebatan isu khususnya dalam hubungan semantik dan sintaksis telah membentuk beberapa teori atau pendekatan baharu seperti yang dibincangkan oleh Fillmore (1968) dalam kerangka *Frame Semantics, Role and Reference Grammar* (RRG) dalam aliran struktur-fungsian yang diperkenalkan oleh Foley dan Valin (1984) dan diperkembang oleh Van Valin (1993) serta Ray Jacekndoff (1983) dalam aliran struktur konseptual. Perbincangan dan persoalan yang ditimbulkan dalam aliran RRG dan aliran struktur konseptual didapati seakan-akan sama, khususnya dalam usaha memperlihatkan interaksi antara komponen sintaksis, semantik dan pragmatik dalam pelbagai bahasa yang berbeza. Teori ini juga menunjukkan pemetaan langsung atau perkaitan antara representasi semantik bagi ayat dengan representasi sintaksisnya melalui set rumus perkaitan yang dikenali sebagai algoritma perkaitan.

Perkaitan ini memperlihatkan RRG ini merupakan teori monostrata, namun berbeza dengan aliran yang dibawa oleh Ray Jackendoff (1983) dalam memahami makna, iaitu perlu memperlihatkan hubungan antara struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik. Ketiga-tiga hubungan ini diibaratkan sistem pengkomputeran dalam minda manusia yang sentiasa berhubungan antara satu sama lain khususnya dalam usaha memahami makna yang bersifat abstrak. Gambaran ini dapat dijelaskan dalam representasi mental yang dikenali sebagai struktur konseptual untuk memahami apakah makna yang terdapat dalam minda manusia. Berdasarkan Rajah 1 di bawah menunjukkan bagaimana hubungan ketiga-tiga struktur beroperasi dalam minda manusia.

Rajah 1, merupakan kerangka Teori Struktur Konseptual (2011), yang menunjukkan operasi organisasi ini melibatkan struktur fonologi, struktur sintaksis dan struktur semantik yang diwakili oleh struktur konseptual. Setiap organisasi ini boleh berhubungan antara satu sama lain seperti struktur fonologi berhubungan dengan struktur sintaksis, struktur sintaksis berhubungan dengan struktur semantik dan struktur semantik juga boleh berhubungan dengan struktur fonologi. Walau bagaimanapun, perbincangan artikel ini hanya memfokuskan kepada hubungan struktur semantik dan struktur sintaksis yang dilihat sebagai kewajaran utama untuk menjawab objektif kajian ini.



**Rajah 1** Organisasi reka bentuk sejajaran TSK (Ray Jackendoff, 2011).

## KAJIAN LEPAS

Pelbagai kajian dalam dan luar negara pernah dilaksanakan, khususnya dalam unsur gerak dari sudut pandang semantik. Kajian mengenai unsur gerak pernah dikaji oleh Maslida Yusof *et al.* (2010). Namun begitu, unsur gerak yang diteliti hanya kepada kata kerja gerak (KKG) bahasa Melayu yang menggunakan teori sintaksis dan semantik *Role and Reference Grammar* (RRG). Kajian ini bertujuan menguji kata kerja keadaan, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktiviti, kata kerja aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap *aktionsart* dan struktur logik yang dianjurkan dalam RRG. Kajian ini menguji dua jenis fitur, iaitu fitur statik dan fitur dinamik bagi membezakan setiap jenis KKG ini. Gambaran jenis fitur ini menunjukkan ciri hakiki temporal bagi kata kerja, iaitu keterbatasan ( $\pm$  titik penamat), jangka masa ( $\pm$  ketepatan masa) dan kedinamikan ( $\pm$  statik) berdasarkan kelas kata kerja (KK) berbentuk keadaan, pencapaian, penyempurnaan, aktiviti dan aktif penyempurnaan. Kajian oleh Nakazawa (2006), telah meneliti dekomposisi gerak dalam bahasa Korea. Kajian ini menggunakan pendekatan kerangka Talmy (1975, 1985 & 2000). Kerangka ini menekankan bahawa skematik kepada makna kata kerja deiktik sebenarnya bersifat kata kerja bersifat hala. Menurut Talmy (2000), titik hala gerak itu bermula dengan HALA daripada titik awal gerak tersebut dengan ditandai sebagai VEKTOR yang membezakan kepada TOWARD dan TO dalam kata kerja deiktik. Hasil dapatan kajian menunjukkan, leksikal semantik bagi KKG *coming* dan *going* terikat dengan pola hala + permukaan. Namun begitu, dalam bahasa Korea, KKG *datang* ini tidak terikat dengan hala. Beliau membahagikan KKG ini kepada gerak dasar bagi menyatakan gerak bersifat sehala [D-GRND *k*] dan gerak bersifat dua hala [D-GRND *k*].

James H-Y Tai (2004), mengkaji struktur konseptual dan pengkonseptualan dalam bahasa Mandarin. Kajian ini menggunakan pendekatan struktur konseptual. Kajian ini menunjukkan kesignifikanan hubungan ruang dengan konseptual bahasa Mandarin–Cina berdasarkan peranan preposisi sebagai objek rujukan seperti di bawah:

a) Shu zai xiangzi de litou.

book at box DE inside.

*The book is in the box.*

Kajian ini tidak melihat secara menyeluruh bagaimana operasi struktur sintaksis bahasa Mandarin–Cina menyentuh tentang hubungan ruang yang mempunyai rumus konseptual yang dianjurkan oleh Jackendoff (1983). Berdasarkan ayat (a) menunjukkan bahawa *litou (inside)* menunjukkan kata sendi utama yang berperanan sebagai objek rujukan seperti yang dianjurkan dalam formulalisasi struktur konseptual yang mewakili fungsi-TEMPAT sebagai penanda abstrak dalam ayat tersebut.

Selain itu, keterbatasan data dalam perbandingan ayat bahasa Mandarin–Cina dan bahasa Inggeris masih belum mencukupi untuk menentukan hubungan gerak dalam ruang. Kyu Suk Shin (2008) mengkaji KKG *nata* (keluar) dalam bahasa Korea dari segi semantik, leksikal dan struktur semantik. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis leksikal *nata* (keluar) bagi mengenal pasti elemen semantik dalam morfem *na-*. Beliau juga menganalisis kata kerja *nata* sebagai struktur konseptual dalam kata kerja. Hasil dapatan kajian menunjukkan kata kerja *nata* boleh hadir sebagai unsur gerak yang bersifat spontan berdasarkan rumus “*nata*” seperti: [peristiwa GERAK ([Benda x], [Hala KELUAR]) dan membawa pengertian atau maksud yang berbeza. Pengkaji mendapati data yang diberikan memberikan maksud *nata* dalam pelbagai maksud gerak yang spontan. Kajian beliau menggunakan teori struktur konseptual dan tipologi Talmy (1985), dan didapatinya berlaku ketidakseimbangan aplikasi pada ayat yang dianalisis. Hal ini berlaku kerana beliau hanya mengaitkan *Path* dalam ujuran Talmy (1991) sebagai skema utama untuk menghuraikan peristiwa gerak, sedangkan pernyataan ini juga dinyatakan dalam argumen struktur konseptual *Path* yang berfungsi sebagai rujukan objek ataupun tempat. Kajian Thomas Patrick (1987) mengkaji struktur konstituen frasa nama (FN) dalam struktur konseptual. Kajian ini hanya membincangkan peranan FN dalam fungsi-tempat dan hubungannya dengan struktur konseptual. Selain itu, kajian ini juga bertujuan melihat peranan FN sebagai konstituen-konseptual. Beliau menggunakan pendekatan teori struktur konseptual dan pendekatan Bellert Proposal (1985) untuk melengkapkan kajian. Hasil kajian beliau menunjukkan peranan FN berhubungan secara berpasangan dengan konstituen–entiti dan (ABS) dan (DIS). Tidak banyak yang dibincangkan oleh beliau bagi memperlihatkan hubungan FN dengan struktur konseptual. Beliau hanya menyatakan peranan FN bertindak sebagai kewujudan yang bebas yang mengandungi “*two triangles*”.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai perbincangan dan pendekatan yang digunakan untuk membincangkan pendekatan kata kerja gerak, namun Jackendoff (2011) telah menjelaskan satu pendekatan baharu

bahawa makna gerak juga boleh difahami sebagai suatu yang abstrak, iaitu sesuatu yang bersifat satu dimensi yang dikenali sebagai gerak ruang. Hal ini berbeza dengan kajian terdahulu yang memperlihatkan makna gerak hanya memfokuskan kepada bentuk yang fizikal sahaja.

## DATA DAN METODOLOGI

Pengkaji memilih leksikal gerak ruang seperti balik, berlari, tinggal, terletak, berada, bunuh, paksa, benar dan tolong dalam janaan Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, iaitu di bawah subkopus akhbar. Pemilihan leksikal ini adalah berdasarkan subkorpus akhbar mempunyai himpunan korpus yang paling tinggi kekerapannya iaitu sebanyak 115 530 kali. Pemilihan ayat juga dilakukan secara rawak bagi menerangkan analisis kajian.

Contohnya:

- 1) Hitrik \*\*\**balik*\*\*\* ke Mumbai selepas penggambaran. (Hiburan: 2001)
- (2) Kami \*\*\**berlari* \*\*\*ke stesen bas. (Wanita: 2001)
- (3) Pengebom \*\*\**bunuh* \*\*\*diri di luar Kedutaan Australia. (Nasional : 2005)

Kajian ini dimulakan dengan membincangkan makna semantik bagi leksikal gerak ruang (GR) ini berdasarkan representasi struktur argumen yang merujuk [Fungsi Peristiwa] dan [Fungsi Keadaan]<sup>3</sup>. Yang berikut merupakan pembahagian formula kepada gerak ruang:

**Jadual 2** Representasi gerak ruang berdasarkan TSK (2002).


<b>JENIS GERAK RUANG</b>	<b>KATEGORI ONTOLOGI (KONSTITUEN)</b>
a. GERAK <sub>arah</sub>	[PERISTIWA], [BENDA] dan [HALA]
b. GERAK <sub>tambah</sub>	[PERISTIWA], [BENDA] dan [TEMPAT]
c. GERAK <sub>menjadi</sub>	[KEADAAN] [BENDA] dan [TEMPAT]
d. GERAK <sub>kausatif</sub>	[PERISTIWA],[SEBAB] dan [BENDA]

Jadual 2 menunjukkan pengelasan gerak ruang (GR) meliputi gerak bersifat arah, gerak bersifat tambah, gerak bersifat orientasi, gerak bersifat menjadi dan gerak bersifat kausatif. Setiap gerak ruang ini memerlukan pengkategorian semantiknya bergantung pada setiap kategori ontologi yang tersendiri. Jackendoff (2002), menyifatkan konstituen konseptual ini merupakan kategori asas untuk memahami [Fungsi keadaan] atau [Fungsi peristiwa]. Jackendoff (1983, 1990 & 2002) membahagikan fungsi peristiwa dan keadaan mempunyai set kategori ontologi yang dibina seperti [Benda], [Peristiwa], [Keadaan], [Lakukan], [Tempat], [Hala], [Pemilikan] dan [Jumlah] yang dijelaskan melalui fungsi argumen. Contohnya konstituen [TEMPAT] berhubungan dengan [fungsi-TEMPAT] dan kategori [BENDA]. Bagi konstituen [TEMPAT] pula merujuk lokasi seperti *di atas bukit* yang direpresentasikan seperti:

- a.[TEMPAT] [Tempat DI DALAM ([Hala x])]
- b. [Tempat DI DALAM ([ Hala DI ATAS ([Benda BUKIT])])]

Begitu juga kepada konstituen [HALA] atau trajektor yang berhubungan dengan konstituen yang lain seperti [HALA] berhubungan dengan konstituen [TEMPAT] atau boleh berhubungan dengan konstituen [BENDA], [JENIS] atau [PERISTIWA].

Langkah kedua, membekalkan leksikal gerak ruang ini kepada pemetaan rajah pohon struktur konseptual<sup>4</sup> seperti Rajah 3 di bawah. Berdasarkan rajah pohon struktur konseptual tersebut, pembahagian segmen pemetaan argumen didasarkan pada tatatingkat pertama yang ditandai oleh konstituen Peristiwa atau Keadaan. Seterusnya, tatatingkat



**Rajah 3** Lakaran rajah pohon struktur konseptual.

rajah pohon ini ditandai oleh konstituen yang terlibat dalam argumen seperti [GERAK], [BENDA], [OBJEK],[ HALA] atau [TEMPAT].

Langkah ketiga, leksikal gerak ruang diuraikan mengikut peranan tematik. Peranan tematik ini dilihat lebih signifikan dalam pembinaan argumen gerak bahasa Melayu terutama perkaitannya dengan fungsi konstituen seperti GERAK, MENJADI, SEBAB dan TINGGAL serta berdasarkan hubungan argumen tematik seperti Tema, Lokasi, Sumber dan Matlamat. Peranan tematik ini diperlukan dalam argumen gerak untuk melihat perbezaan makna contohnya pada makna konstituen “lokasi”. Dari segi domain ruang, makna lokasi ini boleh merujuk lokasi yang bersifat fizikal. Namun begitu, hal ini berbeza dalam domain pemilikan makna lokasi, iaitu merujuk perseorangan atau perseorangan kepada pemilikan tersebut. Jadual 4 menunjukkan definisi peranan tematik dalam argumen struktur konseptual yang digunakan dalam analisis kajian ini.

Jadual 4 menunjukkan pencirian definisi pada setiap item tematik yang merujuk sistem pemenggalan pada entri leksikal kata kerja KK (argumen). Ini bermakna, setiap argumen KK ini mempunyai hubungan makna dengan peranan tematik seperti Agen, Tema, Sumber, Matlamat, Penderita, dan Lokasi. Menurut Jackendoff (2007), sistem pemenggalan argumen bertujuan mengenal pasti posisi argumen KK dan hubungannya dengan interpretasi struktur konseptual.

**Jadual 4** Definisi item peranan tematik.

Bil.	Item Peranan Tematik Struktur Konseptual
1.	Aktor = lakukan oleh aktor tanpa memberi kesan pada sebarang entiti.
2.	Penderita = kesan secara langsung oleh lakukan.
3.	Sumber = objek dari sesuatu yang bergerak (merujuk kepada fungsi-Hala (DARIPADA) dalam argumen).
4.	Tema = entiti dalam gerak atau sesuatu yang terletak.
5.	Matlamat = objek dari sesuatu yang bergerak (merujuk kepada fungsi-Hala (KEPADAA) dalam argumen).
6.	Agen = Pelaku dalam peristiwa.
7.	Penerima = entiti yang menerima faedah yang positif atau negatif daripada sesuatu yang berlaku (ditandai PENERIMA + atau PENERIMA -).
8.	Lokasi = tempat berlakunya peristiwa.

## ANALISIS DATA

TSK menyatakan bahawa terdapat pembahagian kelas gerak berdasarkan organisasi semantik, iaitu gerak ruang, Jackendoff (2002), yang seterusnya dapat dibahagikan kepada GR terdiri daripada gerak<sub>arah</sub>, gerak<sub>tambah</sub>, gerak<sub>mengjadi</sub> dan gerak<sub>kausatif</sub>. Setiap pengelasan gerak ini mempunyai representasi yang berbeza pada pemenggalan argumennya. Yang berikut merupakan representasi semantik bagi gerak ruang tersebut:

### Representasi Leksikal Gerak Bersifat Arah

Jackendoff (2002 & 2011) menghuraikan bahawa sesuatu gerak dapat dilihat daripada tiga keadaan. Pertama gerak keterikatan hala (sumber dan matlamat), gerak arah rantauan dan titik akhir gerak yang tidak jelas. Kedua, sesuatu gerak dilihat perlu diukur berdasarkan transisi kesinambungan gerak tersebut, iaitu bukan sahaja pada titik akhir gerak tersebut malah selepas pergerakan tersebut dan yang ketiga berdasarkan proses gerak secara berterusan. Jackendoff (2002) menyifatkan gerak bersifat arah berlaku apabila adanya perubahan tempat. Hal ini dijelaskan berdasarkan rumus struktur konseptual seperti Jadual 5.

**Jadual 5** Rumus struktur konseptual gerak bersifat arah.

Gerak ruang	Fungsi Peristiwa	Fungsi Keadaan
GERAK <sub>arah</sub>	[Peristiwa GERAK (Benda x), [Hala/Tempat y]]	-

Jadual 5 menerangkan gerak bersifat arah hanya hadir dalam Fungsi Peristiwa dan diwakili oleh konstituen GERAK. Konstituen GERAK ini berfungsi bagi menyatakan spesifikasi lokalisasi dinamik pergerakan dan cara pergerakan tersebut. TSK menekankan fungsi [HALA/TEMPAT] yang diwakili oleh preposisi bagi menunjukkan adanya hubungan ruang pada pergerakan tersebut, sebagai contoh pada gerak seperti *balik* di bawah:


(1) Hitrik *balik* ke Mumbai selepas penggambaran. (Hiburan: 2001)

Ayat (1), menunjukkan berlakunya peristiwa menghubungkan satu posisi ke satu posisi tempat yang lain berdasarkan keterikatan hala. Hal ini dapat

dijelaskan berdasarkan representasi struktur konseptual pada contoh leksikal *balik* di bawah:

- (1) Hitrik *balik* ke Mumbai selepas penggambaran. (Hiburan: 2001)

**(a) Representasi struktur konseptual**




Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (19), menerangkan peristiwa GERAK mempunyai tiga kategori semantik, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ini ditandai pada konstituen [Benda- Hitrik], [Hala- ke] dan [Peristiwa - selepas penggambaran]. Penentuan kepada fungsi [peristiwa GERAK] berdasarkan peranan AKTOR, iaitu Hitrik dan Lakuan bagi menjawab soalan “Apa yang sedang berlaku?” dan mempunyai jawapannya kepada *Hitrik balik ke Mumbai selepas penggambaran*. Fungsi Peristiwa ini menunjukkan peranan FN yang bertindak sebagai [LAKUAN] bagi mengilustrasikan “Apa yang berlaku” yang diinterpretasikan sebagai [LAKUAN], manakala peranan [AKTOR] pula memainkan peranan sebagai karakter yang mempamerkan [LAKUAN].

**(b) Representasi rajah pohon**


Menurut Jackendoff (2003), Rosenblum dan Pinker (1983), pemetaan representasi struktur konseptual di atas ini tidak cukup, dan harus dilengkapi dengan pemetaan rajah pohon yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri. Hal ini disebabkan setiap ayat memberikan pemetaan elemen kepada pelbagai fungsi dan argumen. Berdasarkan leksikal *balik* menunjukkan terdapat elemen GERAK seperti rajah yang berikutnya.

Representasi TSK tersebut menunjukkan, terdapat tiga argumen yang terlibat, iaitu [BENDA], argumen kedua ialah [HALA] dan [PERISTIWA-SITUASI] sebagai argumen ketiga. Argumen [BENDA] bertindak sebagai aktor kepada lakuan. Berdasarkan ayat di atas menunjukkan *Hitrik* diwakili




sebagai Aktor yang berperanan melakukan lakuan yang dikelaskan dalam fungsi peristiwa bagi menggambarkan perkara yang sedang berlaku. Dari segi representasi semantik, gerak *balik* berperanan sebagai berlakunya perubahan tempat yang digambarkan melalui penghalusan fungsi semantiknya seperti yang berikut:

### (c) Penghalusan fungsi semantik



Kedudukan argumen gerak *balik* ini dihubungkan oleh peranan [HALA], iaitu *ke* yang bersifat bentuk terikat untuk menggambarkan berlakunya gerak bersifat hala. Walau bagaimanapun, struktur konseptual bagi gerak *balik* ini hanya dihubungkan dengan konstituen [BENDA] [HALA] dan [PERISTIWA] apabila dari segi tematiknya, ayat ini menerangkan adanya hubungan pada peranan Tema dan Matlamat sebagai realisasi gerak *balik* sebagai gerak bersifat arah:

**(d) Peranan tematik**

Berdasarkan hierarki tematik, rajah (d ) menunjukkan argumen pertama merujuk *Hitrik* sebagai Aktor dan gerak *balik* + *hala* diwakili sebagai GERAK + hala yang menunjukkan peranan preposisi *ke* berlakunya perubahan tempat dan Matlamat yang diwakili oleh *Mumbai*. (Tema Objek rujukan diwakili oleh frasa adverba “selepas penggambaran” menjadi keterangan dalam fungsi peristiwa ini).

**Representasi Leksikal Gerak Bersifat Tambah**

Gerak bersifat tambah merujuk entiti dalam titik trajektor atau bersifat kerjasama, dengan kata lain, adanya transisi kesinambungan gerak tersebut, iaitu bukan sahaja pada titik akhir gerak malah selepas pergerakan tersebut. Gambaran gerak ini dirumuskan melalui struktur konseptual seperti Jadual 6.

Jadual 6 menerangkan gerak bersifat tambah hanya hadir dalam Fungsi Peristiwa dan diwakili oleh konstituen  $\text{GERAK}_{\text{tambah}}$ . Konstituen  $\text{GERAK}_{\text{tambah}}$  ini berfungsi bagi menyatakan spesifikasi lokalisasi dinamik pergerakan dan cara pergerakan tersebut. Melalui TSK yang menekankan fungsi [HALA/TEMPAT], diwakili oleh preposisi bagi menunjukkan

**Jadual 6** Rumus struktur konseptual gerak bersifat tambah.


Gerak Ruang	Fungsi Peristiwa	Fungsi Keadaan
$\text{GERAK}_{\text{tambah}}$	[ <sub>Peristiwa</sub> $\text{GERAK}_{\text{tambah}}$ (Benda x), [Hala/Tempat y]]	-

adanya hubungan ruang pada pergerakan tersebut sebagai contoh pada gerak seperti *berjalan, berlari* di bawah:

(2) Kami *berlari* ke stesen bas. (Wanita: 2001)

Ayat (2), menunjukkan berlakunya peristiwa menghubungkan satu posisi ke satu posisi tempat yang lain berdasarkan keterikatan hala. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan representasi struktur konseptual pada leksikal *berlari* seperti di bawah:


### a) Representasi struktur konseptual




Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (2), menerangkan peristiwa GERAK<sub>tambah</sub> sebagai mempunyai tiga kategori semantik, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ini ditandai pada konstituen [Peristiwa], [Benda- Kami], [Hala- ke stesen bas]. Penentuan kepada fungsi [peristiwa GERAK] adalah berdasarkan peranan AKTOR, iaitu *Kami*. Lakuan bagi menjawab soalan ‘Apa yang sedang berlaku?’ dan mempunyai jawapannya kepada *Kami berlari ke stesen bas*. Dalam Fungsi Peristiwa ini mengutarakan peranan FN yang bertindak sebagai [LAKUAN] bagi memaparkan “Apa yang berlaku” yang diinterpretasikan sebagai [LAKUAN], manakala peranan [AKTOR] pula memainkan peranan sebagai karektor yang mempamerkan [LAKUAN].

### Representasi Konseptual

Yang berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi leksikal *berlari* yang menunjukkan terdapat elemen GERAK<sub>tambah</sub> seperti rajah yang berikutnya:

**(b) Representasi rajah pohon**


Representasi TSK di atas menunjukkan terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu [BENDA] dan argumen kedua adalah [HALA]. Argumen [BENDA] bertindak sebagai aktor yang bertindak sebagai lakuhan berlaku pergerakan tersebut. Berdasarkan ayat di atas menunjukkan *Kami* diwakili sebagai sebagai Aktor yang berperanan menjelaskan lakuhan yang dikelaskan dalam fungsi peristiwa bagi menggambarkan perkara yang sedang berlaku. Dari segi representasi semantik, gerak *berlari* berperanan sebagai berlakunya perubahan tempat yang digambarkan melalui penghalusan fungsi semantiknya:

**(c) Penghalusan fungsi semantik:**

Kedudukan argumen gerak *berlari* ini dihubungkan kepada peranan [HALA], iaitu *ke* yang bersifat terikat bagi menggambarkan berlakunya gerak bersifat tambah. Walau bagaimanapun, struktur konseptual bagi

gerak *berlari* ini dihubungkan dengan konstituen [BENDA] dan [HALA] yang menerangkan peranan tematiknya, melalui peranan Tema dan Matlamat sebagai realisasi gerak *berlari* sebagai gerak bersifat tambah:

#### d) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen pertama merujuk *Kami* sebagai Aktor dan gerak *berlari* + tambah diwakili sebagai GERAK + tambah yang menunjukkan *ke* berlakunya perubahan tempat dan Matlamat yang diwakili *stesen bas*.

#### Representasi Leksikal Gerak Bersifat Menjadi

TSK menyatakan *gerak bersifat menjadi* merujuk keadaan gerak yang terletak dengan andaian tidak melibatkan perubahan posisi. Selalunya jenis gerak ini memerlukan maklumat lokasi sebagai Matlamat untuk melengkapkan maknanya seperti leksikal *tinggal*, *terletak* dan *berada* diekspresikan seperti contoh ayat (3) di bawah:

(3) Razali dan isterinya *tinggal* di kondominium tingkat atas. (Sembang: 2005)

#### (a) Representasi konseptual




Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (3), menerangkan keadaan GERAK<sub>menjadi</sub> yang mempunyai tiga kategori semantik, iaitu entiti Fungsi Keadaan, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ini

ditandai pada konstituen [Peristiwa], [Benda- Razali dan isterinya], [Tempat- di kondominum tingkat atas]. Penentuan kepada fungsi [keadaan GERAK<sub>menjadi</sub>] berdasarkan peranan [bukan-Lakuan] merujuk *Razali dan isterinya tinggal di kondominium tingkat atas* tidak dapat memberikan jawapan “Apa yang sedang berlaku?” Peranan AKTOR tidak menerangkan apa yang sedang berlaku dan tiada jawapan pada pernyataan ini?


### **(b) Representasi rajah pohon**

Yang berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi GERAK<sub>menjadi</sub> seperti di bawah:




Representasi TSK bagi ayat di atas mempunyai dua argumen terlibat, iaitu [BENDA] dan [TEMPAT]. Argumen [BENDA] diwakili oleh *Razali dan isterinya* bagi menerangkan lakuan kepada gerak *tinggal* yang menjelaskan perkara yang tidak dapat memberikan jawapan kepada apa sedang berlaku. Begitu juga pada gerak *tinggal* ini memerlukan semantiknya kepada GERAK + lokasi bagi menunjukkan adanya pergerakan pada keadaan yang disertai peranan frasa preposisi tempat yang digambarkan melalui penghalusan semantiknya:

### (c) Penghalusan fungsi semantik:



Kedudukan argumen gerak *tinggal* ini dihubungkan kepada peranan [TEMPAT], iaitu pada preposisi *di* yang juga bersifat terikat bagi menggambarkan ada berlaku gerak bersifat menjadi yang tidak menampakkan titik akhir gerak tersebut. Walau bagaimanapun, struktur konseptual bagi gerak *tinggal* ini dihubungkan dengan konstituen [BENDA] dan [TEMPAT] sebagai lokasi pergerakan tersebut. Dari segi peranan tematik, ayat ini dihubungkan berdasarkan peranan Tema + Aktor dan Sumber sebagai realisasi gerak *tinggal* sebagai gerak bersifat menjadi:

#### (a) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen pertama merujuk *Razali dan isterinya* sebagai Tema + Aktor dan gerak *tinggal* + menjadi diwakili sebagai GERAK + MENJADI + DI (LOKASI) yang menunjukkan berlakunya pergerakan dan Matlamat yang diwakili oleh *kondominium tingkat atas* sebagai lokasi. Berdasarkanuraian ini juga peranan tematik TEMA merujuk entiti AKTOR yang mengerakkan perlakuan tersebut.

## **Representasi Leksikal Gerak Bersifat Kausatif**

Walid Mohammad (2016), mendefinisikan kausatif sebagai ekspresi oleh agen dalam satu perlakuan tindakan keadaan, atau dalam tindakan keadaan sebab yang tidak disengajakan, atau tanpa disedari. Beliau mengaitkan sesuatu sebab boleh berlaku daripada subjek yang mengubahkan sesuatu keadaan atau peristiwa. Taha M. *et al.* (2017) menyatakan kausatif ialah fungsi utama yang signifikan kepada makna kausatif, iaitu sebab sesuatu peristiwa itu berlaku berhubungan dengan penyebab kepada tercetusnya sesuatu sebab itu berlaku.

Yeuru Ni (2012) mendefinisikan kausatif sebagai urutan dua peristiwa yang berlaku, iaitu kejadian yang disebabkan dan kejadian yang menyebabkan. Peristiwa menyebabkan tidak akan berlaku tanpa adanya peristiwa yang disebabkan. Agnihotri (2007) pula berpendapat, kausatif merujuk pelaku yang menyebabkan seseorang melaksanakan sesuatu dan berlaku perubahan kepada keadaan tertentu. Walaupun terdapat pelbagai pandangan dan pendapat, namun dari sudut semantiknya, kehadiran kausatif bersama-sama kata kerja dapat mengekspresikan makna khususnya dalam ayat serta tingkah laku sintaksisnya. Hal ini membolehkan penentuan dilakukan seperti melihat peranan aktor dan peserta dalam penentuan klasifikasi kata kerja kausatif sama ada bersifat lakuan, keadaan atau proses sebab yang berlaku. (Rafiya Begum & Dipti Misra Sharma 2012). Bakalá°ská práce (2012), juga menjelaskan pencirian kepada pembinaan semantik kausatif dapat dijelaskan berdasarkan bahasa tertentu, iaitu meliputi aspek leksikal, morfologi dan analitikal.

Namun begitu, pandangan Jackendoff (2002) agak berbeza. Dengan berpandukan struktur konseptual, iaitu menganggap kausatif merupakan sebahagian daripada kata kerja bersifat ruang. Gambaran kausatif ini dimanifestasikan dalam bentuk berlakunya gerak yang abstrak berdasarkan kategori ontologi seperti Fungsi Peristiwa yang berhubungan dengan konstituen [MENJADI], [TEMPAT], [BENDA] dan [HALA]. Pembinaan konstituen dan kategori ontologi mendasari aliran pemikiran konseptual yang memfokus kepada kefahaman komposit tentang makna dalam minda manusia mewakili makna untuk sesuatu item leksikal (Jackendoff: 2007). TSK telah membahagikan kelas kausatif berdasarkan empat fungsi struktur argumen, iaitu *CAUSE*, *NO - LET*, *LET* dan *HELP* seperti dalam Jadual 7 yang merujuk SEBAB, TIDAK, TOLONG dan BENAR. Menurut Jackendoff (2002), menyatakan setiap argumen tersebut digambarkan secara pemahaman abstrak berdasarkan pembinaan konstituen seperti

**Jadual 7** Pengelasan gerak bersifat kausatif bahasa Melayu.

<b>Jenis Fungsi Argumen</b>	<b>Representasi struktur konseptual</b>
Fungsi Peristiwa	<p>a. [Peristiwa SEBAB ([ Benda x], [Peristiwa y])] Peristiwa</p> <p>b. TIDAK [Peristiwa BENAR ([ Benda x], [Peristiwa y])] Peristiwa</p> <p>c. [Peristiwa TOLONG ([ Benda x], [Peristiwa y])] Peristiwa</p> <p>e. [Peristiwa BENAR (X, E) =&gt; E</p>

[SITUASI] bagi menggambarkan Fungsi Peristiwa terhadap (berlakunya sesuatu sebab/peristiwa). Jadual 7 merupakan rumus representasi struktur argumen kausatif serta konstituen yang terlibat dalam pemetaan rumus struktur fungsi kausatif.

Jadual 7 menunjukkan pengklasifikasian rumus kausatif yang dianjurkan oleh TSK mengandungi empat rumus utama yang membawa perbezaan representasi pada gerak kausatif. Svetlana *et al.* (2017) menyifatkan pembahagian representasi kausatif ini sebagai satu fungsi tatabahasa kausatif yang dapat mengenal pasti penyebab sesuatu itu berlaku, perbezaan jenis kausatif dan hubungan antara peristiwa dan lakuhan. Silnistsky (2006) mendapati pengklasifikasian ini dapat mengeneralisasikan proses makna dalam leksikal kausatif seperti pada rumus (a), iaitu [Peristiwa SEBAB ([Benda x], [Peristiwa y])] yang menyatakan (yang menyatakan sesuatu peristiwa y berlaku disebabkan oleh sesuatu benda x). Oleh itu pengkaji menggunakan data kata kerja gerak seperti *bunuh*, *bantu*, *hadir* dan *benar* terdiri daripada fungsi SEBAB yang dihubungkan dengan konstituen MENJADI dan GERAK dalam Fungsi Peristiwa.

Berdasarkan analisis, pengelasan gerak kausatif bahasa Melayu dapat dikelompokkan kepada leksikal seperti *bunuh*, *paksa*, *mibenarkan* dan *bantu* yang terdiri daripada fungsi **SEBAB** yang dihubungkan dengan konstituen **MENJADI** dan **GERAK** dalam Fungsi Peristiwa seperti dalam ayat (4) hingga (7) yang berikut.


- (4) Pengebom bunuh diri di luar kedutaan Australia. (Nasional : 2005)  
(5) Saya paksa dia tidur di biliknya. (Wanita: 2003)  
(6) Kerajaan *membenarkan* pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan. (Nasional: 2002)  
(7) Saya tolong ajar mengaji al-Quran. (Sembang: 2006)

## Representasi Struktur Konseptual Gerak Kausatif “Sebab”

Jackendoff (2011), menjelaskan pengelasan kausatif “sebab” menyediakan kerangka rumus [Peristiwa **SEBAB** ([ Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y])] yang memberikan gambaran sebab berlakunya sesuatu perkara. Jackendoff (2007), memberi contoh ayat *The wind made it rain* yang menerangkan **SEBAB** (WIND, [<sub>Peristiwa</sub> RAIN]), iaitu *The wind* menyebabkan peristiwa kepada keadaan hujan turun/ *of its raining*. Dalam menggambarkan pengelasan kausatif “sebab” dalam bahasa Melayu, penulis mengambil contoh kata kerja kausatif *bunuh* seperti representasi di bawah:

- (4) Pengebom bunuh diri di luar kedutaan Australia. (Nasional : 2005)


### (a) Representasi struktur konseptual



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (4), menerangkan kausatif SEBAB mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda-Pengebom], [Peristiwa- bunuh] dan [Hala-di Kedutaan Australia]. Menurut Jackendoff (2003) dan Pinker (1983), pemetaan representasi semantik ini tidak cukup dan harus dilengkapi dengan pemetaan rajah pohon yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri. Hal ini disebabkan dalam setiap ayat memberikan pemetaan elemen kepada pelbagai fungsi dan argumen. Berdasarkan leksikal kausatif *bunuh* menunjukkan terdapat kombinasi elemen SEBAB dan MENJADI seperti rajah yang berikutnya:

## (b) Representasi struktur konseptual

Yang berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi  $\text{GERAK}_{\text{sebab}}$  seperti di bawah:




Berdasarkan representasi rajah pohon di atas, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk peranan AKTOR yang diwakili oleh *Pengebom* dan argumen kedua merujuk LAKUAN yang merujuk *bunuh*. Peranan AKTOR memainkan peranan dalam menjawab persoalan Apakah yang sedang berlaku? dan memberi jawapan kepada *pengebom bunuh diri di luar kedutaan Australia*. Representasi di atas menunjukkan adanya konstituen MENJADI yang menunjukkan berlakunya peristiwa pembunuhan tersebut. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN menentukan ayat tersebut di bawah Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituen SEBAB berdasarkan konstituen ayat di bawah. Situasi ayat ini juga sama jika ayat *Pengebom terbunuh oleh bom di luar Kedutaan Malaysia* yang merujuk peristiwa SEBAB yang membawa representasi seperti ayat di bawah:

- i. [peristiwa AKTOR [PENGEBOM] [Lakuan SEBAB]]
- ii. (Benda SEBAB)
- iii. [<sub>peristiwa</sub> SEBAB ([<sub>Benda</sub> PENGEBOM], [<sub>peristiwa</sub> BUNUH LUAR KEDUTAAN MALAYSIA]))]

Berdasarkan representasi (c) di bawah dapat menjelaskan bahawa peranan Aktor mempunyai persamaan dengan peranan Tema. Yang berikut merupakan pemetaan kepada hierarki tematik:

**(c) Peranan tematik**




Hierarki tematik (7c), menunjukkan argumen satu, iaitu *Pengebom* mewakili sebagai Aktor /Tema (Agen). Menurut Jackendoff (2007), peranan Aktor/Tema ini menunjukkan persamaan dalam Fungsi Peristiwa, iaitu bagi menjawab persoalan apa yang sedang berlaku? Matlamat ialah *diri*, iaitu PENERIMA, iaitu *kesan atau akibat tindakan actor tersebut*. Terdapat objek rujukan yang membentuk sebagai frasa preposisi *di* sebagai lokasi dalam argumen kedua. Berhubung dengan preposisi *di*, Maslida Yusof (2009) menyifatkan kehadiran frasa preposisi sebagai preposisi lokatif bertujuan menerangkan lokasi sesuatu entiti atau di mana objek itu berada.

**Representasi Struktur Konseptual Kata Kerja Kausatif “Tidak-Sebab”**

Representasi pada bentuk kausatif “tidak-sebab” ini merujuk rumus **TIDAK** [Peristiwa **BENAR** ([ Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y])] yang menyatakan sesuatu sebab itu tidak akan terjadi tanpa adanya alasan sebab tertentu untuk berlakunya sesuatu Jackendoff (2007). Pada rumus ini ditekankan penggunaan kata nafi TIDAK pada argumen bagi menjelaskan sesuatu sebab tidak akan berlaku. Untuk memperlihatkan rumus ini, kata kerja *paksa* dipilih berdasarkan representasi di bawah:

(5) Saya paksa dia tidur di biliknya.


(Wanita: 2003)

**(a) Representasi struktur konseptual**

Pemetaan struktur argumen konseptual kata kerja “paksa” dalam ayat (5), menerangkan kausatif TIDAK-SEBAB mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda-Saya], [Peristiwa- dia tidur] dan [Hala- di biliknya]. Menurut Jackendoff (2007), memperihalkan rumus ini dari segi nilai semantik kata kerja *paksa* yang menurutnya mempunyai maksud bahawa pelaku yang tidak mahu melakukan sesuatu sebelum ini TIDAK dan dipaksa untuk melakukan lakukan tersebut selepas itu. Maka, untuk menunjukkan nilai negatif ini Jackendoff (2007), menggunakan kata nafi TIDAK sebagai indikator bagi merujuk sesuatu sebab yang berlaku atau kemungkinan TIDAK akan tercetusnya sesuatu sebab. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif *paksa* boleh muncul berdasarkan konstituen elemen TIDAK dan GERAK yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:

**(b) Representasi konseptual**

Yang berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi  $\text{GERAK}_{\text{tidak-sebab}}$  seperti di bawah:



Berdasarkan representasi struktur konseptual di atas, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk peranan AKTOR yang diwakili oleh saya dan argumen kedua merujuk LAKUAN yang merujuk kata nafi tidak dan kata kerja paksa. Jackendoff (2007) memberi gambaran indikator TIDAK ini ditekankan dari segi semantiknya dalam kata kerja paksa sebagai situasi keadaan yang memungkinkan sebab berlakunya perkara tersebut dan keadaan yang memungkinkan sebab itu tidak akan berlaku. Berdasarkan representasi di atas menunjukkan adanya konstituen GERAK merujuk kata kerja paksa dengan adanya penanda konstituen Hala, iaitu untuk. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN ini menentukan ayat tersebut di bawah Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituen TIDAK berdasarkan representasi ayat di bawah:

- i. [peristiwa AKTOR [SAYA] [Lakuan TIDAK]
- ii. (Benda TIDAK)
- iii. [peristiwa TIDAK ([<sub>Benda</sub> PAKSA], [<sub>peristiwa</sub> PAKSADIA TIDUR DIBILIKNYA])))

Berdasarkan representasi di atas, menjelaskan bahawa peranan Aktor mempunyai persamaan dengan peranan Agen bagi menggambarkan pelaku dalam peristiwa tersebut. Oleh itu, kata kerja *paksa* merujuk kepada mempunyai kesan perbuatan *paksa* yang diterima oleh objek, iaitu *dia* yang ditandai sebagai PENERIMA-. Yang berikut merupakan pemetaan kepada hierarki tematik:

### (c) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen satu, iaitu *Saya* mewakili sebagai Aktor dan merujuk frasa kerja *paksa dia tidur*. Argumen kedua merujuk *di biliknya* sebagai Matlamat dan (PENERIMA-) yang merujuk alasan yang tidak boleh ditolak dan frasa preposisi untuk sebagai

penanda lokatif kepada subjek tersebut. Menurut Jackendoff (2007), pendefinisian indikator TIDAK tidak digolongkan bersama-sama item tematik, malah hanya ditekankan pada peringkat struktur konseptual bagi mengukur makna semantiknya bersama dengan kata kerja sahaja.

### **Representasi Struktur Konseptual Gerak Kausatif “Benar”**

Kata kerja jenis kausatif *benar* merujuk kepada perkara sebab membenarkan atau mengizinkan sesuatu itu berlaku. Untuk menunjukkan analisis, pengkaji memilih leksikal “membenarkan”. Dalam hal ini, leksikal “benar” perlu diberikan apitan *mem-* dan *-kan* pada kata “benar” bagi menunjukkan perbuatan kata kerja yang membawa maksud membenarkan, mengizinkan atau menyetujui bagi membezakan makna kata benar sebagai kata adjektif yang bermaksud tidak salah atau betul. Dari segi semantik, Jackendoff (2002) menyifatkan kata kerja membenarkan memberikan situasi ini boleh berlaku dalam dua keadaan, iaitu sama ada PENERIMA+ iaitu menerima sesuatu faedah daripada kebenaran itu berlaku atau PENERIMA-, iaitu tidak menerima sesuatu faedah daripada kebenaran itu berlaku sebagai contoh:


- a. Kerajaan *membenarkan* pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan. (PENERIMA+)  
(jadi kerajaan mengambil pekerja asing)
- b. Kami tidak akan *membenarkan* mereka memasuki Kufa.  
(PENERIMA-)  
(jika alasan tertentu mereka tidak dibenarkan memasuki Kufa)

Kombinasi konotasi (a) menunjukkan realisasi bagi PENERIMA+ manakala konotasi (b) memungkinkan kepada PENERIMA-.

- (6) Kerajaan *membenarkan* pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan.

(Nasional: 2002)


### (a) Representasi struktur konseptual



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (6), menerangkan kausatif BENAR mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Hala. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda-Kerajaan dan Pekerja Indonesia], [Peristiwa-pengambilan] dan [Hala-untuk sektor binaan]. Jika contoh ayat tidak mempunyai kata hubung, maka peranan [Hala] tidak hadir dalam pemetaan struktur konseptual ini. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif membentarkan menunjukkan terdapat elemen BENAR dan MENJADI yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:

### (b) Representasi rajah pohon

Yang berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi  $GERAK_{benar}$  adalah seperti di bawah:




Berdasarkan representasi struktur konseptual, terdapat dua argumen yang terlibat, iaitu pertama merujuk peranan AKTOR, iaitu objek pada peringkat konseptual yang diwakili oleh Kerajaan dan argumen kedua merujuk pekerja Indonesia. Kata kerja membenarkan bersifat transitif, hadir dalam objek, iaitu pekerja Indonesia. Peranan AKTOR penting untuk memberikan jawapan kepada apakah yang sedang berlaku?, iaitu *Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan*. Representasi di atas menunjukkan adanya konstituen MENJADI merujuk sesuatu kebenaran itu diberikan. Penentuan kepada AKTOR dan LAKUAN ini menentukan ayat tersebut sebagai Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituen BENAR:

- i. [peristiwa AKTOR [KERAJAAN] [Lakuan BENAR]
- ii. (Benda BENAR)
- iii. [<sub>peristiwa</sub> BENAR ([<sub>Benda</sub> Kerajaan], [<sub>peristiwa</sub> PENGAMBILAN PEKERJA INDONESIA]))])])

Berdasarkan representasi di atas, menunjukkan objek merujuk *pekerja Indonesia* yang ditandai sebagai PENERIMA<sup>+</sup>, iaitu sesuatu yang diterima. Penjelasan ini dapat dispesifikasikan dengan jelas berdasarkan peranan sudut hierarki tematik di bawah:

### (c) Peranan tematik

Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan.



Konotasi dalam kata kerja *menbenarkan* ini menunjukkan *Kerajaan membenarkan pengambilan pekerja Indonesia untuk sektor binaan* memberikan keadaan sama ada kerajaan akan membawa masuk pekerja Indonesia atau mungkin kerajaan tidak akan membawa masuk pekerja Indonesia.

## Representasi Struktur Konseptual Gerak Kausatif “Tolong”

Kata kerja kausatif bermaksud “tolong” merujuk rumus yang terakhir, iaitu [Peristiwa **TOLONG** ([Benda / Peristiwa x], [Peristiwa y])] yang memerihalkan fungsi kausatif yang membentuk sebab berlakunya sesuatu pertolongan. Oleh itu, gambaran representasi bagi kata kerja “tolong” adalah seperti contoh (25):

- (7) Saya tolong ajar mengaji al-Quran. (Sembang: 2006)


### (a) Representasi struktur konseptual



Pemetaan struktur argumen konseptual pada ayat (7), menerangkan kausatif TOLONG mempunyai tiga kategori semantik yang terlibat, iaitu entiti Fungsi Peristiwa, Benda dan Peristiwa. Ketiga-tiga dekomposisi ditandai pada konstituen [Benda- Saya], dan [Peristiwa- tolong ajar mengaji al-Quran]. Berdasarkan pemetaan rajah pohon pula menunjukkan leksikal kausatif *tolong* menunjukkan terdapat elemen SEBAB dan GERAK yang berperanan menjelaskan struktur sintaksisnya yang tersendiri seperti di bawah:

### (b) Representasi rajah pohon

Yang berikut merupakan pemetaan rajah pohon bagi GERAK<sub>tolong</sub> seperti rajah dibawah:




Berdasarkan representasi struktur konseptual di atas, menunjukkan argumen pertama, iaitu objek sebagai peranan AKTOR/TEMA yang diwakili oleh *Saya* dan argumen kedua merujuk LAKUAN yang merujuk kata kerja *tolong* yang bertindak menjawab persoalan Apakah yang sedang berlaku? Penyataan ini dapat memberikan jawapan kepada *saya tolong ajar mengaji al-Quran*. Penentuan kepada AKTOR/TEMA dan LAKUAN ini menentukan ayat tersebut di bawah Fungsi Peristiwa yang merujuk konstituen SEBAB berdasarkan representasi ayat di bawah:

- i. [peristiwa AKTOR/TEMA [SAYA] [Lakuan SEBAB
- ii. (Benda TOLONG)
- iii. [<sub>peristiwa</sub> SEBAB ([MENGAJI AL-QURAN]))])]

Berdasarkan representasi argumen di atas, menunjukkan objek merujuk *Saya* manakala argumen GERAK merujuk berlakunya peristiwa *mengaji al-Quran*. Penjelasan ini dapat dispesifikasikan dengan jelas berdasarkan peranan sudut hierarki tematik di bawah:

### (c) Peranan tematik



Berdasarkan hierarki tematik, menunjukkan argumen satu, iaitu *Saya* mewakili sebagai Tema, manakala kata kerja *tolong* sebagai Sumber. Bagi argumen kedua, iaitu *ajarkan mengaji al-Quran* mewakili Matlamat.

Secara keseluruhannya, analisis ini telah menunjukkan satu pengelasan gerak dalam bahasa Melayu bagi mengenal pasti dan membezakan tingkah laku semantiknya berdasarkan konstituen konseptual dan klasifikasi gerak yang dianjurkan oleh TSK. Huraian dalam artikel ini telah memaparkan empat pengelasan baharu gerak bersifat ruang seperti GERAK<sub>arah</sub>, GERAK<sub>tambah</sub>, GERAK<sub>menjadi</sub> dan GERAK<sub>kausatif</sub>. Pengelasan gerak ini merupakan satu sistem baharu yang memperlihatkan ciri gerak tersebut

berbanding pemahaman dahulu yang membincangkan kata kerja dari sudut sintaksis khususnya ketransitifan seperti kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah memaparkan analisis data berdasarkan gerak ruang iaitu *balik*, *berlari*, *tinggal*, *bunuh*, *paksa*, *benar* dan *tolong* berdasarkan representasi struktur konseptual seperti dalam Jadual 8.

Jadual menunjukkan satu bentuk pengelasan gerak ruang yang melibatkan konstituen [Fungsi Peristiwa] dan [Fungsi Keadaan]. Kedua-dua konstituen ini dilihat berhubungan secara bersama dengan konstituen seperti [BENDA], [HALA], [TEMPAT]. Selain itu, pemetaan gerak kepada peranan tematik seperti Tema, Agen, Aktor, Sumber, Matlamat, objek rujukan, lokasi, Penerima+ dan Penerima- menunjukkan secara sistematik dan jelas khususnya pada pemetaan argumen gerak ruang.

**Jadual 8** Rumus gerak ruang dan leksikal gerak.

Jenis Gerak ruang	Representasi Struktur Konseptual	Contoh Gerak
GERAK <sub>arah</sub>	[PERISTIWA], [BENDA] [HALA]	balik
GERAK <sub>tambah</sub>	[PERISTIWA], [BENDA] [TEMPAT]	berlari
GERAK <sub>menjadi</sub>	[KEADAAN], [BENDA] [HALA]	tinggal,
GERAK <sub>kausatif</sub>	a. [Peristiwa SEBAB ([Benda/Peristiwa], [Peristiwa y]))]) b. TIDAK [Peristiwa BENAR] ([Benda/Peristiwa x], ([Peristiwa y]))) c. ([Peristiwa TOLONG ([Benda/Peristiwa x], [Peristiwa y]))) d. [Peristiwa BENAR] (X,E) => E	bunuh, paksa, benar dan tolong

## NOTA

1. Dibincangkan dalam *Thematic Relations Hypothesis* (TRH) bersama Gruber (1965) dan Ray Jackendoff (1983), yang menekankan masa, pemilikan, identiti, keadaan dan kewujudan sebahagian gerak bukan ruang.
2. Kategori ontologi yang dibina adalah berdasarkan “*semantics part of speech*”, merujuk entiti Benda, Peristiwa, Keadaan, Lakuan, Tempat, Hala, Pemilikan dan Jumlah. Entiti yang dibina adalah berdasarkan input dari sekeliling yang diterima daripada mata.
3. Merujuk subset dalam Fungsi Peristiwa atau Fungsi Keadaan menjelaskan boleh wujud dua konseptual, iaitu Peristiwa (sesuatu yang berlaku dalam Lakuan [+LAKUAN] dan Keadaan (sesuatu yang merujuk sikap situasi [-LAKUAN]. ( Jackendoff, 2002, . 256).
4. Jackendoff telah membentuk satu formula tatabahasa dalam struktur konseptual berdasarkan teori X-Bar Sintaksis. Teori X-Bar Sintaksis yang telah diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1970 yang menganjurkan Prinsip Ujaran. Prinsip ini menyatakan setiap leksikal dalam suatu ayat diujarkan dengan betul pada setiap tahap sintaksis (Struktur-D, Struktur-L, bentuk logik). Prinsip ini mementingkan syarat dan bukan rumus untuk mewakilkan setiap butir leksikal dalam struktur representasi ayat. Namun begitu, prinsip ini telah diubah suai oleh Jackendoff (1977) dan Stuwet (1981) dengan syarat dan prinsip tersendiri.

## RUJUKAN

- Agnihotri, R. K. (2007). *Hindi an Essential Grammar*. London: Routledge.
- Bakalářská Práce. (2012). *English Causative Constructions with the Verbs Have, Get, and Make, and Their Czech Translation Counterparts* (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Karlova v Praze.
- Chomsky, Noam. (1956). Three Models for the Description of Language. *Ire Transactions on Information Theory. Proceedings of the Symposium on Information Theory*, 2, 113 –24.
- Chomsky, Noam. (1970). Remarks on Nominalization. In R. Jacobs & P. Rosenbaum (eds.), *Readings in English Transformational Grammar*. Waltham: Blaisdell Publishing.
- Bellert Proposal. (1985). *An Interpretive Model for Linguistic Quantifiers*. New York: Plenum Press.
- Dowty, David. (1991). Thematic Proto-Roles and Argument Selection. *Language*, 67, 547–619.
- Fillmore, Charles. (1968). *Indirect Object Constructions and the Ordering of Transformation*. Mouton: The Hague.
- Foley, William A. & Van Valin, Robert D., Jr. (1984). *Functional Syntax and Universal Grammar*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jackendoff, Ray. (1977). X-Bar syntax. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1983). *Semantics and Cognition*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1990). *Semantic Structure*. Cambridge: MIT Press.

- Jackendoff, Ray. (1992). *Language of the Mind*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (1992). Parts and Boundaries. In Beth Levin dan Steven Pinker (eds.), *Lexical and conceptual semantics*. Cambridge: Blackwell MA.
- Jackendoff, Ray. (1997). *The Architecture of the Language Faculty*. Cambridge: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2002). *Foundations of Language: Brain, Meaning, Grammar, Evolution*. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2003). *Foundations of Language: Brain, Meaning, Grammar, Evolution*. United Kingdom: Oxford University.
- Jackendoff, Ray & Cullicover, P.W. (2005). *Simpler Syntax*. New York: Oxford University Press.
- Jackendoff, Ray. (2007). Language of the mind: Essays on mental representation. London: MIT Press.
- Jackendoff, Ray. (2011). *Meaning and the Lexicon: The Parallel Architecture 1975-2010*. London: MIT Press.
- James, H-Y Tai. (2004). *Conceptual Structure and Conceptualization in Chinese*. International Symposium on Chinese Language and Language and Linguistic 9th. 19–21.
- Johnstone, Barbara. (1999). Individual. *Journal of Linguistic Anthropology*, 9, 127–130.
- Kamus Dewan. (2014). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kyu Suk Shin. (2008). The Conceptual Structure of the Verb Nata. *The Review of Korean Studies*. 19(1): 37–69.
- Maslida Yusof. (2010). Analisis Situasi Gerak Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 11(1), 1–1.
- Maslida Yusof. (2010). Perkaitan Semantik Kata Kerja Bahasa Banjar Kuala: Satu Analisis Varian Kuin, Banjarmasin. *Jurnal Melayu*, 5(1), 87–102.
- Nakazawa, Tsuneko. (2006). Motion Event and Deitic Motion Verbs as Path-Conflating Verbs. *Proceedings of the 13th International on Head-Driven Phrase Structure Grammar*, 284–304.
- Rafiya, Begum, Samar Husain, Arun Dhwaj, DiptiM. Sharma, Lakshmi Bai & Rajeev Sangal. (2008). Dependency Annotation Scheme for Indian Languages. *Proceedings of The Third International Joint Conference on Natural Language Processing (IJCNLP)*. Hyderabad, India.
- Rosenblum, T., & Pinker, S. A. (1983). Word Magic Revisited: Monolingual and Bilingual Children's Understanding Of The Word–Object Relationship. *Child Development*, 54(3), 773–780.
- Silnitsky, G. (2006). Semantics, Grammar, Quantitative and Prototypical Linguistics: *Journal of Linguistic*, 2 (1), 255–362.
- Stewart, A. L. (1981). Another Look at Semantic Priming Without Awareness. *Journal of Perception & Psychophysics*, 34(1), 65–71.

- Svetlana, V. Shustova, Elena, A. Osheva & Konstantin, A. Aklochko. (2017). Desemantization of Functional Grammatical Causatives in the Aspect of Grammaticalization. *Journal of XLinguae*, 10(1), 34-41.
- Taha, M, Sultan, F.M & Yasin, S. M. (2017). The Morphosyntax of Causative Construction in Sudanese Arabic: *Journal Pertanika*, 25(2), 921-930.
- Talmy Leonard. (2000). *Toward a Cognitive Semantics*. Cambridge: MIT Press.
- Talmy, Leonard. (1975). Semantics and Syntax of Motion. *Journal Syntax and Semantics*, 4, 181–238.
- Talmy, L. (1985). Lexicalization Patterns: Semantic Structure in Lexical Forms. In T. Shopen (ed.), *Language Typology and Syntactic Description*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Talmy Leonard. (2000). *Towards a Cognitive Semantics*. Cmabridge: MIT Press.
- Thomas Patrick. (1987). *The Conceptual Structure of Noun Phrase* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti McGill, Kanada.
- Van Valin. (1993). A Synopsis of Role and Reference Grammar. In R. Van Valin (ed.), *Advances in Role and Reference Grammar*. Amsterdam: John Benjamin.
- Walid Mohammad. (2016) Causatively in English and Arabic. Akses daripada <http://www.coursehero.com/file/causatively-in-English-and-Arabic-latest/>
- Wöllner C., Deconinck, F. J., Parkinson, J., Hove, M. J., & Keller, P. E. (2012). The perception of prototypical motion: Synchronization is enhanced with quantitatively morphed gestures of musical conductors. *Journal of Experimental Psychology: Human Perception and Performance*, 38(6), 1390–1403.
- Yeuru Ni. (2012). Categories Of Causative Verbs: A Corpus Study Of Mandarin Chinese (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Utrecht.

Diperoleh (*received*): 30 Mac 2020

Diterima (*accepted*): 26 November 2020